

BAB II: PENULISAN DAN KAJIAN YANG BERKAITAN

Dalam bab ini tumpuan perbincangan adalah merujuk kepada penulisan dan kajian yang berkaitan dengan keunikan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu digunakan sebagai media pengajaran pendidikan. Tumpuan perbincangan adalah berkaitan dengan tujuan pendidikan sastera sehingga melahirkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu secara khusus, proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah, dan aspek penilaian dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu itu sendiri.

Tujuan Pendidikan Sastera Sehingga Melahirkan Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu

Apabila mata pelajaran Kesusasteraan Melayu diperkenalkan secara khusus oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ke sekolah-sekolah tentulah ia mempunyai matlamat dan objektif yang tersendiri untuk mencapai tujuan-tujuan murni bagi generasi bangsa Malaysia di masa hadapan. Namun demikian, dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, matlamatnya tidaklah nampak sesegera terhasil melainkan dalam jangka masa yang panjang setelah pelajar itu meningkat umurnya. Matlamatnya dijelmakan melalui objektif yang terkandung dalam sukanan pelajaran dan sudah pasti objektif itu sesuatu yang boleh diuji kepada pelajar. Apa yang ketara, kenapa unik mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini sehingga matlamatnya hanya terserlah di masa yang terkemudiannya? Tentulah kita maklumi kerana asas kandungannya adalah kisah-kisah teladan yang menyentuh rohani dan emosi maka pembentukan domain-domain ini tidaklah boleh dipaksa-paksa kepada semua individu melainkan kesedaran yang lahir

daripada unsur afektif tersebut.(Mohd Fauzi bin Mohd Kassim, 1998) Apakah yang uniknya dalam penceraan unsur afektif ini dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu?

Menurut Tan Sri Dato' Awang Had Salleh(1989) dalam kertas-kerjanya "Sastera Dalam Pendidikan" fungsi pendidikan sastera ialah mencernakan nilai universal tentang kebenaran dan keindahan. Dengan demikian, pendidikan sastera itu dapat dikatakan sebahagian daripada pendidikan kemanusiaan. Ia juga berfungsi untuk mempertingkatkan kesedaran dan keinsafan individu dan kesefahamannya tentang kebudayaan atau cara hidup kelompok masyarakat kita dan kelompok masyarakat lain juga. Matlamat mencapai keseimbangan dalam diri dan jiwa individu adalah satu masalah pendidikan yang sarwajagat sifatnya. Secara lahiriah, pendidikan sastera ini membuat kita sama merasa kesengsaraan orang, kemalangan jiwa, penderitaan si miskin, kegusaran si kaya, konflik di jiwa pemimpin, lega pada yang melihat keadilan, rela, dan bertaqwah dalam menyerah diri kepada Allah Yang Maha Berkusa.

Beliau juga telah menggariskan tujuh matlamat pendidikan Kesusasteraan Melayu yang bersesuaian dengan matlamat pendidikan negara dan ia dapat disimpulkan untuk;

- (a) Memperlanjutkan kepada generasi baru Kesusasteraan Melayu itu sebagai satu seni, satu kemahiran, satu warisan, dan satu bentuk peradaban,
- (b) Membina penghayatan Kesusasteraan Melayu itu sendiri, dan menerusinya, membina penghayatan bentuk pengendalian seni bahasa dan seni penglahiran rasa estetika,

- (c) Bagi yang berbakat, dipertemukan mereka dengan peluang-peluang berkarya sastera,
- (d) Menerusi penghayatan isi Kesusasteraan Melayu dan eksploitasi emosi yang membalut kisah dan rasa dalam Kesusasteraan Melayu itu ditimbulkan keinsafan nilai kemanusiaan dan komitmen kepada daya mempertahankannya,
- (e) Pada tahap yang wajar, pengetahuan tentang teori sastera, kritikan sastera, mekanisme sastera perlu diperkenalkan, tetapi kegiatan ini perlu terlebih dahulu didahului oleh penikmatan atau penghayatan sastera itu sendiri,
- (f) Sastera dalam pendidikan telah bermula di rumah, sejak kebanyakan anak-anak sudah dua tahun umurnya. Sastera tidak habis-habis memberikan kita pengalaman baru sepanjang hayat pembacaan kita, dan
- (g) Matlamat terakhir pendidikan Kesusasteraan Melayu ialah kebulatan jiwa manusia supaya biar apa pun kegiatannya dalam hidup dia merasakan derita orang, menitiskan air mata pada detik-detik kepayahan orang, dan mempertimbangkan peristiwa laku manusia berdasarkan keperimanusiaan.

Manakala menurut Profesor Dato' Dr. Hashim Awang(1989) dalam kertas-kerjanya "Bahan Pendidikan Sastera" menyatakan sastera yang digunakan sebagai bahan pembelajaran dalam pendidikan tidaklah terlaksana secara sewenang-wenangnya sahaja. Pelaksanaannya adalah didasarkan kepada tiga tujuan utamanya yang dapat beliau gariskan sebagai berikut:

- (a) mendidik pelajar untuk menjadi seorang pembaca tulen;

- (b) mendidik pelajar untuk memahami dan menghayati unsur serta nilai kebaikan dan hiburan yang dapat diberikan oleh sastera; dan
- (c) mendidik pelajar untuk terus menjadi pembaca tulen yang setia dan kritis sepanjang hayatnya.

Tegasnya, melalui kesusasteraan itu para pelajar dapat melihat dan memahami dengan lebih mendalam dan meluas lagi tentang manusia, kehidupan, dan masyarakat. Mereka dapat menyelami hati dan perasaan manusia sebagai seorang individu dalam masyarakat. Di samping itu mereka juga dapat mempelajari tentang manusia sebagai makhluk sosial, iaitu makhluk yang terperangkap dalam permasalahan masyarakat yang kompleks. Di sini, sastera dapat dilihat sebagai cuba menafsirkan dalam cara yang amat imaginatif tentang situasi manusia yang benar dan dasar: penanggungan manusia dari akibat ketidakadilan, pergelutannya dalam pencapaian kekuasaan, pertentangan dengan manusia-manusia lain dan dengan peraturan-peraturan lumrah alam dan buatan manusia.

Malahan, Prof. Dr. Ali Haji Ahmad(1989) dalam kertas-kerjanya “Falsafah Pendidikan Kesusasteraan” telah memberikan tujuh faktor tujuan pendidikan Kesusasteraan Melayu untuk pelajar STPM atau Tingkatan 6 iaitu:

- (a) Untuk menghayati hasil-hasil kesusasteraan sebagai warisan budaya yang mempunyai nilai-nilai estetik, nilai keagamaan, budaya, dan masyarakat. Penilaian kesusasteraan dari kacamata budaya dan masyarakat adalah penting bagi menanamkan kecintaan terhadap kesusasteraan tanpa prejudis. Ia memberikan satu

kesedaran tentang nilai-nilai masyarakat yang utama yang perlu diwarisi dan dipelihara dari zaman ke zaman.

- (b) Untuk memperkenalkan kepada pelajar-pelajar cara menganalisis kesusasteraan berdasarkan prinsip-prinsip yang diterima umum. Umumnya, karya-karya sastera dianalisis atas dasar karya itu sebagai satu binaan yang mempunyai bahagian-bahagian dan anasir-anasir yang berhubungan dengan yang satu menyumbang kepada kewujudan yang lain.
- (c) Untuk membantu pelajar menghubungkan kesusasteraan dengan pengetahuan-pengetahuan yang lain seperti aspek-aspek latar dengan alam sekitar(geografi), sejarah, dan sebagainya.
- (d) Untuk membantu pelajar dalam mengenal aspek-aspek kreativiti dan mendorong mereka untuk membentuk pengucapan kreatifnya sebagai usaha bagi menanam bakat yang mungkin dapat menyumbang kepada perkembangan kesusasteraan kebangsaan.
- (e) Untuk mendedahkan pelajar-pelajar secara tak langsung dengan kesusasteraan luar seperti dari ASEAN, timur, dan barat supaya dapat mereka melihat secara umum kesusasteraan dari sudut perbandingan.
- (f) Untuk mendedahkan pelajar akan hasil-hasil dan fenomena kesusasteraan dalam skop waktu yang luas. Dengan itu pemisahan di antara kesusasteraan Melayu tradisional dan moden dapat dibicarakan kepada mereka, supaya mereka dapat melihat unsur-unsur perkembangan, iaitu meneliti persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan di antara hasil-hasil tradisional dengan yang moden. Dengan melihat yang tradisional dijadikan sebagai asas kepada pembentukan hasil yang

moden manakala yang moden pula mempunyai hubungkait dengan hasil-hasil yang terdahulu.

- (g) Dan untuk melihat kesusasteraan sebagai media mengajar untuk hasil-hasil bahan seni dan juga sebagai alat bantu yang berjasa dalam membentuk watak atau sahsiah pelajar.

Secara khusus, Anwar Ridhwan(1989) dalam kertas-kerjanya “Penghayatan Sastera: Suatu Pemerhatian Terhadap Prosesnya Dalam Sistem Pendidikan Kita” telah merumuskan bahawa pendidikan Kesusasteraan Melayu pada peringkat STPM atau Tingkatan 6 adalah satu usaha untuk membolehkan pelajar menyelami dan mengambil iktibar melalui penikmatan dan penghayatan karya-karya sastera. Sesuai dengan hakikat kesusasteraan sebagai hasil seni daya kreatif manusia melalui bahasa yang menyalurkan pemikiran dan perasaan, kebudayaan, dan tamadun serta nilai kemanusiaan, maka pendidikan Kesusasteraan Melayu ini dapat membina keperibadian yang tinggi. Maka itu tujuan sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu secara amnya ialah untuk:

- (a) memupuk kesedaran bahawa kesusasteraan adalah gedung nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan;
- (b) menanamkan semangat cintakan negara melalui pengalaman masyarakat dan tradisinya seperti yang tercermin dalam kesusasteraan;
- (c) membina keperibadian yang seimbang di kalangan pelajar melalui penghayataan pemikiran, perasaan, nilai kemanusiaan yang positif sebagai teladan dan negatif sebagai sempadan; dan menanam rasa kebanggaan terhadap hasil karya dan tokoh-tokoh sastera tanahair.

Rumusannya, menurut Prof Madya Dr. Noriah Taslim(1996) dalam kerta-kerjanya "Menggarapi Dunia Faedah Dan Keilmuan Sastera Melalui Penstrukturran Kurikulum dan Pemantapan Kaedah Pengajaran" menyatakan kembali apakah ilmu pengetahuan yang terkandung di dalam sastera itu? Pengarang sastera tidak menulis tentang psikologi, politik, moral, falsafah, agama, sosiologi, dan sejarah, tetapi kita mempelajari tentang semua topik-topik itu di dalam sastera. Karya sastera membicara dan menggarap semua hal-hal tersebut dan banyak lagi. Tidak sia-sia sebenarnya sastera sering diperlukan sebagai dokumen atau artifek budaya atau bagi karya tradisional khususnya, ia dianggap sebagai ensiklopedia bangsa kerana banyaknya ilmu pengetahuan yang terkandung di dalamnya.

Tambah beliau, pengalaman sebagai individu sebenarnya mengajar kita tentang kehidupan yang amat terbatas. Sastera membuka ruang pengalaman tersebut, kerana ia menyediakan pengalaman-pengalaman manusia daripada pelbagai budaya dan daripada berbagai-bagai zaman. Setiap karya sastera akan menokok pengalaman individu, dia seolah-olah mengalami segala yang dialami oleh watak-watak di dalam dunia cereka yang dibacanya, di samping mengalami juga pengalaman setiap pengarangnya. Tegasnya, fungsi sastera itu sebagai pencelik akal dan pengetahuan. Ilmu pengetahuan sastera adalah mencari kebenaran. Sastera mencapai kebenaran itu melalui imaginasi dan intuisi. Kebenaran yang terkandung itu pula sebenarnya memberi nilai-nilai keindahan kepada sastera. Sekiranya sastera tidak mengandungi kebenaran, bagaimana ia dapat dijadikan wadah untuk menyampaikan falsafah? Karya sastera itu mungkin tidak menyampaikan

penyataannya melalui hujah yang analitikal, tetapi ternyata penghayatan kesusasteraan itulah berjaya mendidik pelajar untuk berfikiran kritis dan kreatif.

Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Di Sekolah

Dari segi pengajaran dan pembelajaran atau lebih dikenali dengan akronim P & P, mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dibebaskan oleh budi bicara dan kehendak para guru di sekolah. Namun demikian, proses P & P ini tidak dapat lari daripada bahan yang digunakan oleh guru di sekolah sebagai alat bantu mengajar mahu pun bahan khusus kandungan yang ingin disentuh untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini. Bahan ini mungkin menarik dan dapat terus menggalakkan generasi seterusnya meminati Kesusasteraan Melayu atau ia menjadi sebaliknya dengan berbagai-bagai rungutan atau kebosanan. Banyak faktor yang memainkan peranannya dalam proses P & P mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah kerana ia tidaklah khusus kepada guru, pelajar, dan bahan sahaja tetapi juga berkait dengan pentadbir dan dasar yang sedia ada.

Menurut Dr. Mahzan Arshad(1994) "Pencapaian Pelajar Dalam Ujian Pemahaman Bacaan Bahan Kesusasteraan" dalam *Jurnal PENDIDIKAN*, Universiti Malaya menyatakan kesusasteraan dapat menjana pemikiran yang kritis dan sikap analitis seseorang pelajar. Ini disebabkan bahasa dalam kesusasteraan adalah kompleks dan beragam, maka dengan pendedahan ini pelajar dapat menguasai dan memperkayakan kosa kata mereka. Ia juga didorong oleh genre dalam kesusasteraan itu sendiri melalui

kaedah ‘mengalami dan menghayati’. Hal ini pasti akan menambah ‘kesan rasa’ dalam pembacaan mahu pun penghayatan seseorang pelajar dan yang pasti, ia berbeza dengan bahan ekspositori lain.

Kesusasteraan tidaklah boleh dibaca sebegitu sahaja. Jika kita rajin mengenali puisi kita harus dapat alami dan hayatinya kerana pemahamannya akan menusuk dalam jiwa kita. Begitu juga dengan aspek drama, prosa tradisional mahupun cerpen dan novel. Maka itu, pengkaji bersetuju dengan beliau bahawa pendedahan dalam kesusasteraan ini akan membawa cabaran intelektual kepada pelajar. Mereka akan bergelumang dengan kenikmatan membaca dan cuba mencari-cari jawapan daripada bacaannya sama ada pengertian kosa katanya mahu pun plotnya. Keintelektualan ini semakin terserlah apabila bacaan pelajar dapat menuntut perkembangan kognitif dan intuisi atau gerak hati seseorang.

¹Menurut Prof. Madya Dr. Mohd Sahlan bin Mohd Saman(1994) pula dalam kertas-kerjanya “Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu – Variasi Pendekatan” masalah pengajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu adalah kerana ia melibatkan perancangan dan pelaksanaan daripada peringkat atas sehingga ke tahap guru, seperti kata pepatah ‘bagaimana acuan begitulah kuihnya’. Sejak tahun-tahun 60-an lagi sehingga ke hari ini(lebih 30 tahun berlalu) perkembangan dan pembangunan pengajaran Kesusasteraan Melayu tidak banyak berubah. Pendekatan formalistik yang diperkenalkan di tahap awal terus sahaja dimanfaatkan secara meluas sehinggalah ke hari ini. Maklumbalas yang diterima hanya meletakkan pertanggungjawaban itu di atas kepala guru.

Mereka mendakwa gurulah yang berurus terus dengan pelajar, guru yang ‘menjual komoditi’, guru yang paling dipercayai pelajar sebagai sumber ilmu, melebihi ibubapa atau rakan sebaya, guru yang lebih mengetahui, lebih berpengalaman, berwibawa, berdedikasi, berpedagogi, dan berwawasan serta gurulah amanah kerajaan, Kementerian Pendidikan, dan seluruh rakyat. Sehingga guru juga dipertanggungjawabkan kalau kurang efektif dan keputusan yang kurang baik.

Variasi pendekatan-pendekatan seperti psikologis, sosiologis, moral, agama, dan perbandingan adalah amat relevan diketengahkan. Pendekatan-pendekatan tersebut kalau dimanfaatkan secara menyeluruh akan meninggalkan kesan yang cukup positif kerana sastera adalah kehidupan. Pendekatan formalistik atau strukturalis tidak menekankan hal sedemikian; maka itu sehingga kini anggapan sastera yang negatif, tidak fungsional; masih kukuh di kalangan rakyat Malaysia khasnya. Yang ketara, soal mempelbagaikan kaedah atau pendekatan pengajaran adalah sesuatu yang amat menarik pelajar. Ia menghindarkan monoton, mendedahkan kepada inovasi dan kreativiti, memberi petanda bahawa guru memiliki ilmu yang cukup luas serta mudah dipercayai. Pendekatan(selain formalistik) termasuk seperti melihat atau membincangkan moral karya, pendidikan karya, unsur-unsur nilai di dalamnya, kemanusiaan watak-watak, dan pengarangnya, nilai agamanya, nilai sosialnya, *poetic justicenya*, dan macam-macam lagi, memang boleh diterapkan sekali. Perbincangan pendekatan baru seperti mentafsir lambang, melihat kemerduan kalimat dan ayat, mencari pola rima dan irama(pada puisi), memberi justifikasi persoalan(pada puisi), memberi justifikasi perwatakan(terutama dalam drama)

telah turut menaikkan tahap keghairahan pelajar di samping menghindarkan kebosanannya.

Ia disokong oleh Prof Madya Rahman Shaari(1989) dalam kertas-kerjaanya "Pendekatan Dan Kaedah Pengajaran Kesusasteraan Melayu" dengan menyatakan guru boleh memilih kaedah dan teknik yang difikirkan sesuai untuk melaksanakan sesuatu pendekatan dalam proses P & P di sekolah. Pendekatan yang digunakan oleh guru itu pasti akan menjadi pegangan mereka dalam mengajar di masa akan datang. Dalam Kesusasteraan Melayu, beliau memberikan tiga pendekatan yang dianggap sesuai dalam proses P & P di sekolah. Pertama, pendekatan 'analisis struktur' yang selalunya dipadankan dengan teknik syarahan dan teknik soal-jawab. Dengan teknik syarahan, guru mengemukakan satu aspek demi satu aspek karya sastera. Pelajar mendengar dan mencatatkan isi-isi yang berupa keterangan tentang setiap aspek itu. Manakala dengan teknik soal jawab, guru boleh memastikan adakah pelajar memahami setiap aspek, siap dengan keterangan-keterangannya. Seseorang pelajar yang lebih berpengetahuan akan memberi penjelasan yang baik, dan guru meminta pelajar lain menerima penjelasan itu.

Kedua, pendekatan 'mengalami-menghayati' iaitu sangat sesuai untuk pelajar-pelajar yang baru berjinak-jinak dengan sastera. Ini disebabkan kejayaan membawa pelajar gemar, suka, menikmati, dan merasakan keindahan dari bahan yang dibaca adalah satu pengalaman seronok pertama sastera yang tidak akan mereka lupakan. Dan ketiga, pendekatan 'berfokus' dan ia lazim disampaikan secara teknik syarahan. Ia menitikberatkan hubungan di antara aspek-aspek sastera, atau aspek-aspek khusus karya

yang dihadapi. Fokus diberikan terhadap satu aspek sahaja, manakala yang lainnya berbentuk sampingan. Pelajar boleh diminta menyatakan bahagian manakah yang benar-benar menarik minat mereka, dan lantas meminta mereka kaitkan dengan hal lain yang berkaitan dengan bahagian yang menarik minat itu. Apa yang ditegaskan, guru-guru sentiasa boleh berkreatif melalui pendekatan-pendekatan yang dikemukakan agar proses P & P di sekolah untuk Kesusasteraan Melayu tidak didakwa mengantuk dan membosankan. Hal ini penting kerana gurulah yang akan membentuk pelajar-pelajar ini di dalam kelas mereka dengan cara mereka yang tersendiri. Ia diharapkan tidak langsung ‘membunuh’ nilai indah dalam kesusasteraan itu sendiri kerana jika demikian yang berlaku ia cukup memadai dan besarnya pada nilai warisan nenek-moyang kita apabila generasi akan datang tidak lagi meminati Kesusasteraan Melayu.

Lanjutan itu Ahmad Othman(1994), “Pendekatan dan Perkaedahan Pengajaran Kesusasteraan KBSM: Cabaran-cabaran Kepada Guru Kesusasteraan” dalam jurnal *PENDIDIK DAN PENDIDIKAN*, Universiti Sains Malaysia menggarapkan tujuh isu dan masalah yang melingkari dalam P & P Kesusasteraan Melayu . Antaranya;

- (a) Falsafah Pendidikan dan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu
- (b) Guru Kesusasteraan Melayu,
- (c) Pendidikan Kesusasteraan: Pendekatan dan Perkaedahan,
- (d) Pemilihan Teks dan Bahan Kesusasteraan,
- (e) Penghayatan Sastera
- (f) Penilaian Kefahaman dan Penghayatan, dan
- (g) Penerapan Nilai Murninya.

Apabila perkara-perkara di atas tidak ditangani dengan bijaksana, maka guru-guru sekolah asyik sibuk berlumba-lumba mengejar masa untuk menyelesaikan sukanan pelajaran yang diperuntukkan. Ujian pula diadakan secara tergesa-gesa dan pengajaran tidak diusahakan dengan penuh penghayatan. Akhirnya, lahirlah dan luluslah pelajar yang tidak minat membaca karya sastera secara serius atau dengan bermakna kerana matlamatnya untuk lulus peperiksaan sahaja. Beliau menambah, guru haruslah mempunyai sikap positif seperti yang dikehendaki, iaitu seseorang itu perlu memahami selok-belok pengajaran dan mampu menyesuaikan perkaedahan mengajarnya dengan keadaan pelajar dan objektif pelajaran yang hendak dicapainya. Dengan kata-kata lain, guru perlu mempunyai ilmu yang luas dalam bidangnya dan berupaya membawa pelajarnya ke arah matlamat pendidikan kesusasteraan yang digariskan. Guru bukan setakat mengajar indahnya bahasa dalam sastera tetapi juga harus berjaya menerobos dan menilai indahnya kebenaran serta yang hak dan batil itu ada disisinya yang tertentu.

Malah, menurut Tuan Sharif Putera(1994) dalam kertas-kerjanya “Menjenguk Realiti di Bilik Darjah: Satu Pengalaman” mendakwa rata-rata ramai guru mengajar Kesusasteraan Melayu hanya menggunakan alat kapur dan papan tulis sahaja. Mereka secara jujur menyatakan belum menggunakan peralatan pusat sumber sekolah dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu. Antara alat penting yang tidak digunakan ialah *OHP*, video, gambar-gambar, gambar *slide*, TV, pita rakaman dan sebagainya.

Guru-guru mengakui bahawa mereka banyak menggunakan buku teks dan buku ulasan sebagai alat bantu mengajar. Seolah-olah guru-guru ini tiada keyakinan diri untuk menggunakan persepsinya sendiri dalam pengajaran analisis karya, maka secara tidak langsung, pengajaran Kesusasteraan Melayu di dalam bilik darjah sebagai gagal. Keadaan ini sebenarnya mengecewakan. Guru juga didapati sangat kurang menggunakan kaedah ‘mengalami dan menghayati’ dalam pengajarannya. Sebahagian besar guru memilih kaedah ‘struktural’ dan ‘berfokus’. Ini disebabkan untuk menggunakan kaedah ‘mengalami dan menghayati’ guru pasti akan menghadapi kerja lebih daripada sepatutnya. Guru perlu mencari petikan, memperdengarkan rakaman atau tayangan filem/video/slide dan sebagainya kerana cara yang sedemikian ia sebenarnya telah mendekati jiwa pelajar. Seharusnya guru mencari kaedah dan memberi keyakinan kepada pelajarnya bahawa Kesusasteraan Melayu itu adalah mata pelajaran yang berfaedah dan menyeronokkan. Untuk itu beberapa langkah dalam P & P mata pelajaran Kesusasteraan Melayu harus diambil segera seperti:

- (a) guru-guru sastera perlu diberi pendedahan secara menyeluruh akan kepentingan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan memahami arah tuju mata pelajaran ini dan bagaimana menanganinya supaya pelajar merasa lebih seronok atau mendapat nikmat,
- (b) guru-guru perlu didedahkan dengan sepenuhnya akan kaedah pengajaran sehingga mereka yakin dengan setiap kaedah yang diperturunkan di dalam sukanatan pelajaran mahu pun huraiannya bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu,

- (c) semua instititusi latihan perguruan seharusnya mempunyai pensyarah atau penyelia yang berkemampuan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, dan
- (d) sekolah perlu memahami citarasa pelajar dan memberi peluang mereka mengambil mata pelajar elektif Kesusasteraan Melayu kerana apabila mereka masuk ke instititusi pengajian tinggi, mereka tidak akan merasa sesuatu yang asing untuk dipelajarinya.

Aspek Penilaian Dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu

Abu Bakar Nordin(1987), dalam bukunya *Asas Penilaian Pendidikan* menyatakan penilaian dijalankan pada akhir sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Tujuan dijalankan ialah untuk menentukan pencapaian dalam proses tersebut. Bagaimanapun bagi guru, penilaian menerusi ujian sering kali tidak dianggap sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Guru menganggap ujian adalah satu proses berasingan bagi memenuhi fungsi sosio-ekonomi, seperti pemilihan pelajar, pensijilan, dan laporan kepada ibu bapa serta kepada pihak pentadbiran sekolah. Dalam konteks ini, hasil keputusan sesuatu ujian tidaklah memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran.

Namun demikian, umumnya, penilaian berlaku dalam semua jenis situasi iaitu apabila pertimbangan perlu dilakukan. Keputusan sentiasa terlaksana melalui dasar penilaian walau pun secara tidak langsung proses pertimbangan telah kita jalankan.

Begitu juga dalam pendidikan, ia hampir mustahil dalam proses pengajaran dan pembelajaran jika tiadanya penilaian. Di sekolah sudah pasti gurulah orang yang bertanggungjawab untuk menyusun dan memberikan sesuatu keputusan sama ada pelajarnya mencapai apa yang tergaris dalam pengajaran gurunya. Maka maklumat pencapaian pelajar harus disediakan oleh guru sama ada cara pemerhatian, pengujian, pengukuran, mahu pun penilaian itu sendiri. Menurut Lee Shok Mee dan Mok Soon Sang(1989) dalam buku mereka *Pengujian Dan Penilaian Dalam Pendidikan* telah menggariskan penilaian dalam pendidikan ialah proses menentukan perubahan tingkah laku seorang individu dan membuat pertimbangan(*judgement*) nilai. Aktiviti penilaian menumpu kepada ciri-ciri ada manusia yang boleh diubah, pertimbangan nilai bagi seorang boleh diperolehi berdasarkan daripada interpretasi hasil pengukuran kuantitatif, atau penghuraian kualitatif, atau kombinasi kedua-dua pengukuran kuantitatif dan penghuraian kualitatif pelajar itu. Maklumat kuantitatif dan penghuraian kualitatif yang dinyatakan dalam bentuk angka dan data dapat disusun dan diperkemaskan dalam sistem yang mudah difahami untuk memberi gambaran yang menyeluruh. Penghuraian kualitatif pula biasanya menerangkan perubahan yang nyata atau kabur dalam diri seseorang.(Patton, 1987) Oleh itu, penilaian bukan hanya meliputi pencapaian dan kemajuan dalam pelajaran tetapi termasuklah pentaksiran semua aspek perkembangan mental dan fizikal, minat, sikap, bakat, emosi, dan kejayaan dalam sosial. Maka itu Nitko(1996), dalam bukunya *Educational Assessment Of Students* menyatakan kebanyakan guru mendapati tugas memberi markah dan gred adalah suatu aspek yang sukar dan menimbulkan masalah kepada mereka. Kesukaran adalah disebabkan pencapaian dalam pendidikan, susah untuk diukur dan tugas mengukur pula amat

kompleks iaitu sama ada hendak menerimanya dalam bentuk unit atau ‘standard’ yang telah ditetapkan. Sistem pemarkahan kerap kali menjadi suatu objek pendidikan kerana banyak kaedah lain untuk menilai dan melapor kemajuan pelajar. Mengred dan memarkah juga memerlukan guru membuat pengadilan ke atas pelajarnya, ini menimbulkan kesukaran untuk menjalankan tugas tersebut kerana biasanya guru ingin membantu dalam pembelajaran pelajarnya. Maka untuk memberi gred yang rendah ke atas pelajar yang dianggap tidak mempelajari bahan yang telah diajar oleh guru, menimbulkan perasaan tidak menyenangkan di kalangan mereka. Begitu jugalah dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Fungsinya banyak khusus dibicarakan soal matlamat pembentukan siasah dan watak yang baik; jadi bagaimakah untuk menilai siasah dan watak yang baik ini? Maka kita sedia maklum domain afektif dan psikomotor banyak terlibat walaupun kita tidak menolak domain kognitif turut sama berkait. Apakah caranya cukup dengan ujian dan peperiksaan atau jauh daripada itu untuk menghasilkan siasah rajin membaca, siasah dapat menghayati sesuatu dengan penuh minat, siasah dapat membezakan yang sukar dan senang dan lain-lain penilaian yang bukan berupa peperiksaan?

Menurut Dr. Hussein Haji Ahmad(1989) dalam kertas-kerjanya “Ujian dan Peperiksaan Mata Pelajaran Sastera” pendidikan mengenai kesusasteraan boleh meningkatkan keupayaan pelajar menerokai tingkah laku, tabiat, dan hati budinya dalam usaha membentuk sahsiah bagi penyediaan menjalani liku-liku hidup. Berbanding dengan mata pelajaran lain dalam kurikulum yang lebih luas, pengajaran sastera merupakan satu saluran yang boleh menajamkan dan menghaluskan kepekaan deria dan jiwa pelajar serta

meningkatkan dhamiri psikososial dan sahsiah peribadinya di samping mendisiplinkan emosi dan perasaannya. Tidak dapat dinafikan bahawa pengajaran kesusasteraan merupakan satu saluran untuk menghidupkan naluri seni di kalangan pelajar melalui media bahasa yang kreatif dan indah. Jika diajar dengan teknik dan pendekatan yang wajar, mereka dapat dibimbing menjadi ahli masyarakat yang seimbang dan harmonis dari segi sahsiah. Ramai yang tidak mengetahui bahawa mata pelajaran sastera berupaya menggalakkan pelajar melakukan renungan diri atau *self introspection* mengenai dirinya, masyarakatnya atau manusia sekitarnya. Ini adalah kerana pada hakikatnya jika pengajaran sastera dilakukan dengan bersungguh-sungguh, ianya akan menggalakkan penerokaan dan pembentukan nilai murni, sikap yang positif, dan emosi yang stabil di dalam diri pelajar.

Untuk itu juga, beliau menyarankan penilaian pembelajaran unsur-unsur kesusasteraan oleh pelajar di sekolah itu perlu dibuat secara berterusan. Interaksi antara guru dengan pelajar mengenai aspek-aspek kesusasteraan haruslah kerap dilakukan. Satu rekod penilaian berterusan untuk melihat perkembangan dan kemajuan pelajar dalam penghayatan dan amalan unsur-unsur nilai yang ditekankan dalam mata pelajaran kesusasteraan perlulah diadakan oleh para guru yang mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini.

Lanjutan itu, menurut Dr. Kamaruddin bin Yaakub(1996) dalam kertas-kerjanya "Kaedah-kaedah Penilaian Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Kesusasteraan Peringkat Menengah" menyatakan pemahaman terhadap karya sastera tidak cukup

dengan hanya memahami perkara yang berkaitan dengan kesusasteraan sahaja, melainkan perlu juga memahami bahasa dan budaya di samping berusaha bersikap kritis dan kesungguhan hati untuk memahaminya. Untuk memastikan perkara ini boleh berjaya, tugas guru yang utama ialah menguji keupayaan pelajar dalam aspek budaya dan bahasa. Oleh itu, guru perlu mampu menyusun soalan untuk ujian sastera supaya mengukur hasil pembelajaran pelajarnya berdasarkan kepada tiga perkara. Pertama, dengan cara menentukan lebih awal lagi tentang topik atau bidang yang hendak dinilai kepada semua pelajar. Kedua, dengan cara menentukan penilaian dengan kehendak objektif kurikulum yang berpandukan buku teks dan/atau program kurikulum itu sendiri dan ketiga, dengan cara menyesuaikan bidang atau topik pengajaran dengan pengujian atau penilaian. Perancangan penilaian ini harus diselaraskan mengikut tujuan penilaian yang hendak dijalankan. Satu cara ialah menyediakan pelan induk atau pun pemetaan objektif pelajaran dengan domain atau bidang yang perlu dipelajari seperti dengan menyediakan jadual penentuan atau jadual spesifikasi taksonomi. Pada kebiasaannya proses pembentukannya mengambil kira dua aspek penting, iaitu yang berkaitan dengan analisis kandungan sukanan pelajaran dan analisis tahap atau peringkat objektif pemelajaran.

Selain itu guru harus kreatif agar pelajar dapat menikmati atau mengapresiasikan kerja sastera; maka guru perlulah melihat apakah tujuan, bahan pengajaran, dan pembelajaran serta seterusnya penilaian yang hendak disediakan. Bahan pengajaran terbahagi kepada dua iaitu bahan apresiasi yang tidak langsung seperti teori dan sejarah(ekstrinsik), mana kala bahan apresiasi langsung iaitu kandungan karya itu sendiri. Pemilihan bahan yang diuji perlu disesuaikan dengan tahap kemampuan pelajar dan ujian

pula perlu dilakukan secara berperingkat iaitu daripada peringkat yang mudah hingga membawa ke peringkat yang lebih kompleks.

Menurut Dr. Ishak Ramly(1996) pula, dalam kertas-kerjanya “Bacaan Penghayatan dan Penikmatan Sastera” menyatakan umum setuju bahawa penilaian merupakan salah satu aspek yang penting dalam pendidikan sastera. Melalui penilaian, guru dapat membuat banyak tafsiran terhadap pengajarannya. Data yang dikumpul berguna untuk membantu guru mengesan, mengemas, dan membuat refleksi terhadap tingkat proses pengajaran dan pembelajaran yang diberi kepada pelajar. Pergantungan kepada satu taksonomi sahaja untuk menilai proses mengajar belajar pelajar tidak memadai kerana data dan hasil yang diperolehi tidak dapat memberi gambaran sebenar kebolehan dan keupayaan pelajar belajar.

Guru harus mengetahui dan menguasai berjenis taksonomi sebelum membuat penilaian dalam bilik darjah. Pergantungan kepada satu taksonomi sahaja akan membunuh kecintaan pelajar terhadap pembelajaran sastera. Pengujian yang berorientasikan karya secara kognitif dan afektif harus didedahkan kepada pendidik sastera. Mata pelajaran kesusasteraan bukanlah seperti Sains yang semata-mata bertumpu kepada fakta dan dalil, sastera adalah gubahan karya kreatif dan imaginatif yang berteraskan kepada “su” atau keindahan dan kemurniaan. Kesan-kesan keindahan dan kemurniaan itu bukan boleh diluahkan secara simpulan, kiasan atau bandingan, tetapi penerima harus menerima dan merencam ikal-budi dan hati untuk mendapatkan makna luaran dan makna dalaman dengan lebih tepat dan sempurna. Tumpuan yang

memberatkan kepada penguasaan dan hafalan fakta sahaja sudah tidak sesuai lagi. Ianya harus diganti dengan arus penilaian yang lebih mapan dan anjal.

Menurut Pozi Haji Masurori(1994) dalam kertas-kerjanya “Meninjau Prestasi Pelajar Dalam Mata Pelajaran Kesusastraan Melayu Di Peringkat STPM”, corak dan cara pengajaran dahulu lebih menitikberatkan kepada daya ingatan, kefahaman, dan sedikit tentang analisis karya-karya sastera. Pelajar-pelajar dididik mencari data-data dari karya sastera tersebut dan hendaklah mengemukakan data-data tersebut dalam jawapan-jawapan ujian mereka. Tetapi kini, pelajar-pelajar dititikberatkan bagaimana hendak memahami isian karya dan cara menelitiya. Oleh kerana sastera berbicara tentang manusia maka hal-hal yang berkaitan dengan manusia perlu diteliti, khususnya mengenai tamadun peradabannya, sejarah, soal-soal kemasyarakatan, perwatakan manusia, minda, dan visinya.

Namun demikian, apabila penilaian dalam Kesusastraan Melayu dilaksanakan ia masih menampakkan kekurangan ketara dalam aspek penguasaan daya penghayatan sastera dan penilaian kritikannya. Rata-rata rumusan penilaian melaporkan kebanyakan calon tidak benar-benar memahami konsep dan istilah sastera. Akibatnya, pelajar tidak dapat menjawab dengan sempurna apabila bertemu dengan soalan-soalan yang mengandungi istilah-istilah seperti interpretasi, penilaian, pelukisan, kesesuaian, dan keberkesanan. Sebahagian daripada pelajar hanya memberikan definisi sahaja, umpamanya plot atau perwatakan, tetapi mereka tidak tahu mengaplikasikannya dalam

bentuk analisis. Tegasnya, asas-asas penilaian untuk Kesusasteraan Melayu khususnya yang berkaitan dengan penghayatan harus menyimpulkan perkara-perkara berikut:

- (a) Cara penggambaran mengenai sesuatu episode, perilaku manusia, keindahan, ketidakadilan, rasa kemanusiaan, keburukan, dan sebagainya,
- (b) Memahami dan mengaplikasi konsep-konsep istilah yang sering digunakan dalam kritikan sastera,
- (c) Melihat keberkesanan cara gambaran yang digunakan oleh pengarang(teknik penceritaan) sama ada kaedah itu sesuai atau tidak, dan akhir sekali
- (d) Melihat dari segi khayalak(*audience*) iaitu tanggapan khalayak terhadap peristiwa sama ada wajar atau tidak, bagaimana perasaan khalayak terhadap isian iaitu dari segi episode-episode dalam karya dan kesannya kepada tokoh dan khalayak itu sendiri.

Bahkan menurut Prof. Madya Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan(1994) dalam kertas-kerjanya “Kesusasteraan Melayu SPTM: Satu Tinjauan Awal” menegaskan Kesusasteraan Melayu lahir untuk mempertingkatkan pengetahuan pelajar tentang kesusasteraan itu sendiri melalui penelitian karya-karya sastera tradisional dan moden. Ia langsung membimbing pelajar ke arah menikmati dan menghayati karya-karya sastera terpilih agar terus meminati kesusasteraan dan perkembangannya sebagai satu cerminan pemikiran dan penyataan tamadun. Rata-rata ramai pelajar menilai mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sebagai satu mata pelajaran yang mudah dan tidak membebankan. Ia bertambah menarik dengan dorongan guru dan penghayatan proses P & P yang diketengahkan di sekolah. Namun, menilai pencapaian prestasi calon ternyata terdapat

kemerosotan yang ketara kerana kurang minat membaca. Hakikatnya, mata pelajaran Kesusasteraan Melayu haruslah banyak membaca karya-karya yang terpilih.

Jadi, mengapakah diteruskan mengambil mata pelajaran ini? Penilaian yang dilakukan membuktikan ramai antara mereka tiada pilihan lain berbanding dengan mata pelajaran lain kerana kedudukan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini dikira lebih selamat oleh mereka. Hal-hal sebeginilah yang merugikan generasi yang ingin dicapai dalam matlamat pendidikan sastera kerana penilaian terhadap siasah dalam jangka masa yang panjang akan terus kecundang atas dasar mereka mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu hanya untuk lulus peperiksaan bukan atas dasar isian mata pelajaran itu sendiri. Di manakah silapnya? Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (1984), dalam bukunya *Systematic Evaluation A Self-Instructional Guide To Theory And Practice* menyatakan penilaian itu sendiri bermaksud hala informasi dari asas rasmi seperti kriteria, ukuran, dan statistik yang dibekal sebagai asas rasional untuk membuat penghakiman dan bergantung kepada sesuatu situasi. Ia berorientasikan proses membuat keputusan, yang mana penilai dalam menjalankan tugasnya akan memberi beberapa alternatif kepada pembuat keputusan, dan pembuat keputusan dapat memilih untuk memberi makna atau nilai kepada setiap alternatif, supaya pembuat keputusan dapat memilih keputusan yang terbaik.

Rumusan

Terdapat beberapa kajian dan penulisan yang telah dijalankan berkaitan dengan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini sama ada disentuh secara spesifik perihal mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia(STPM) ini atau setakat memeperkatakan yang berkaitan dengan bahan bacaan dan penyoalan dalam kesusasteraan di sekolah dalam pelbagai peringkat serta umur. Antaranya kajian oleh Hafsa Abd. Ghani(1984) pula dalam Tesis Sarjana Pendidikannya di Universiti Malaya tentang *Kefahaman Membaca Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Di Petaling Jaya* membuktikan pelajar-pelajar masih lemah dalam menjawab soalan-soalan ujian pemahaman bacaan bahan sastera pada peringkat yang tinggi. Pencapaian mereka hanya tinggi apabila menemui soalan yang mengcam berbanding dengan soalan yang mengkehendaki pelajar membuat analisis. Beliau mendapati 83.83% pelajar dapat menunjukkan pencapaian yang tinggi bagi soalan-soalan mengcam butiran yang terkandung dalam teks tetapi mencapai 95.81% tahap gagal apabila soalan yang mengkehendaki mereka membuat analisis.

Hakikatnya, keberkesanan tahap pemikiran pelajar memang bergantung kepada jenis-jenis soalan yang dikemukakan dalam teks. Jenis-jenis soalan kefahaman bacaan yang dikemukakan memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap kebolehan pemahaman pelajar dalam keseluruhan pembelajarannya. Pengetahuan tentang taksonomi soalan sangat penting disamping bahan sastera yang dipilih sebagai aspek kefahaman. Hal ini perlu diberikan perhatian kerana ia akan memberi kesan kepada penilaian kognitif pelajar dan secara langsung membantu pelajar melatih keyakinan diri demi menghadapi

pelbagai tahap penyoalan yang bakal ditemui dalam aspek kefahaman bacaan menggunakan bahan sastera.

Kajian oleh Noriah Bakar(1986) dalam Tesis Sarjana Pendidikannya di Universiti Malaya tentang *Kesan Pendekatan Mengalami-Menghayati Terhadap Pembelajaran Sajak Pelajar Tingkatan VI Di Sebuah Sekolah* mendapati pelajar daripada kumpulan ‘mengalami-menghayati’ telah mencapai kemajuan yang lebih baik jika dibandingkan dengan pelajar daripada kumpulan ‘analisis-struktur’ dari segi kefahaman dan penghayatan terhadap sajak. Pelajar daripada kumpulan ‘mengalami-menghayati’ juga telah mengalami perubahan sikap yang lebih positif terhadap sajak berbanding dengan pelajar daripada kumpulan ‘analisis-struktur’. Oleh itu, beliau mendapati pendekatan ‘mengalami-menghayati’ adalah lebih berkesan untuk meninggikan lagi tingkat kefahaman dan penghayatan serta memupuk minat pelajar terhadap sajak. Pendekatan ini akan dapat mengembangkan minat pelajar untuk membaca sepanjang hayatnya.

Kajian oleh Faridah Jaafar(1986) dalam Tesis Sarjana Pendidikannya di Universiti Malaya tentang *Pertalian Di antara Peringkat Kefahaman Membaca Dengan Bahan Bacaan Di kalangan Murid Darjah 6* pula membuktikan pelajar boleh mendapat markat tertinggi hanya daripada soalan yang berbentuk mengenal dan mengecam butiran berbanding dengan soalan-soalan pemahaman bacaan bahan sastera mereka pada tahap kritis. Beliau mendapati 55.8% mencapai markah yang tinggi dalam aspek mengenal dan mengecam butiran mana kala hanya 6.2% sahaja pada peringkat membuat inferensi dan analisis.

Dr. Mahzan Arshad(1993) dalam Tesis Sarjana Pendidikannya di Universiti Malaya tentang *Preferen Pelajar Tingkatan Empat Terhadap Bahan Kesusasteraan Dan Hubungannya Dengan Tahap Pemahaman Bacaan* menerokai bahawa bahan bacaan dan soalan pemahaman bagi bahan bacaan kesusasteraan dapat menguji daya pemikiran pelajar secara menyeluruh. Beliau menyatakan pelajar harus didedahkan dengan soalan-soalan yang mencabar pemikiran mereka dengan lebih kritis dan analitis. Soalan-soalan yang dirangka perlu benar-benar menyentuh domain kognitif dan juga afektif. Guru haruslah bersedia membimbing pelajar menyelesaikan sesuatu masalah berdasarkan maklumat yang terkandung dalam bahan yang dibaca oleh pelajar. Cara ini akan dapat merangsang minat pelajar untuk terus mencari bahan-bahan kesusasteraan yang lain bagi memenuhi naluri ingin tahu mereka. Guru harus mengambil sikap terbuka dan tidak hanya menyalahkan jawapan pelajar kerana tidak mengikut skema pemarkahan yang telah ditetapkan oleh mereka. Apa yang penting ialah dalam pengajaran pemahaman bacaan, guru harus bersedia untuk membimbing pelajar memahami soalan dan mengemukakan jawapan berdasarkan susunan pemikiran yang kritikal dan analitikal, di samping memberikan jawapan berdasarkan maklumat-maklumat yang terkandung dalam bahan yang dibaca oleh pelajar.

Kajian oleh Noor Rohana binti Mansor(1996) pula dalam Tesis Sarjana Pendidikannya di Universiti Malaya tentang *Analisis Soalan Kefahaman Dalam Buku Kerja Bahasa Melayu Peringkat Menengah Atas* mendapati bahan-bahan sastera yang digunakan untuk buku kerja Bahasa Melayu di peringkat menengah atas tidak menampilkan paras-paras soalan kefahaman yang seimbang. Beliau juga mendapati ia

tidak menampilkan keseimbangan kepada semua subkategori berdasarkan teori taksonomi pembelajaran kognitif Bloom. Hanya aspek-aspek penyoalan dan frasa-frasa penyoalan tertentu menjadi tumpuan pengulangan pertanyaan di bawah subkategori soalan kefahaman menggunakan bahan sastera. Ini bukti jelas tiadanya keseimbangan dari segi taburan soalan-soalan kefahaman yang menggunakan bahan sastera di antara tingkatan. Malah, taburan ssoalan-soalan kefahaman yang menggunakan bahan sastera tidak seimbang pengagihannya juga di antara penerbitan. Jadi, tidak terdapat satu standardisasi pengagihan soalan dan penampilan soalan-soalan kefahaman yang menggunakan bahan sastera. Pada keseluruhannya, latihan-latihan pemahaman dalam buku-buku kerja Bahasa Melayu peringkat menengah atas yang menggunakan bahan sastera tidak dapat menampilkan taksonomi soalan-soalan kefahaman dengan pengagihan yang seimbang iaitu berdasarkan aras pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis, dan penilaian daripada teori taksonomi pembelajaran kognitif Bloom.

Lantaran itu kajian ini pula akan melihat dan menilai secara menyuruh bukan hanya kemampuan pelajar atau tahap pembacaan mereka atau penyoalan yang dikemukakan menggunakan bahan sastera itu sahaja tetapi dari segi kandungan sukatan pelajaran Kesusastraan Melayu STPM 1992-1997 itu sendiri, pencapaian prestasi calon mengikut kertas peperiksaan yang ditawarkan dalam STPM 1992-1997, keberkesan proses P & P mata pelajaran Kesusastraan Melayu ini, penilaianya dalam domain afektif dan psikomotornya, serta nilai komersial dan masa hadapan mata pelajaran aliran Sastera itu. Kajian ini juga akan mengambil kira faktor dasar yang telah ditetapkan dengan faktor implementasinya di peringkat pentadbir(sekolah), guru, dan pelajar itu sendiri di samping

syor yang dikemukakan oleh pakar-pakar mata pelajarannya yang terlibat langsung dengan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM 1992-1997 ini tentang langkah-langkah keberkesanannya di masa hadapan.